

Bubur lambuk Usim

NILAI – Kakitangan Bahagian Keselamatan Universiti Sains Malaysia (Usim) membuat kerja amal dengan mengagihkan bubur lambuk kepada pelajar Usim di sini, semalam.

Bubur lambuk itu disediakan secara gotong-royong oleh kakitangan keselamatan Usim bermula daripada penyediaan bahan mentah sehinggalah kepada proses memasak, membungkus dan pendedaran.

Anggota Unit Keselamatan Trafik Usim, Marhaban Morliorjo, berkata, program tahunan sejak 2009 itu mengekalkan tradisi penyediaan dan agihan bubur lambuk untuk diagihkan kepada warga Usim sepanjang bulan Ramadan.

"Kita menggunakan resipi turun-temurun di mana keistimewaan bubur lambuk ini adalah pada keenakan rasa rempah ratusnya dan daging lembu segar. Kos penyediaan bubur lambuk ini lebih kurang RM500 untuk satu kawah besar.

"Kos penyediaan adalah hasil sumbangan wang tunai se-



Kakitangan Bahagian Keselamatan Usim bergotong-royong memasak bubur lambuk di Usim, Nilai.

cara individu dan berkumpul yang dilakukan oleh anggota keselamatan kami. Pihak pengurusan universiti juga turut menyokong dan membantu pendedaran bubur kepada pelajar," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, dua kawah besar bubur lambuk itu mampu menghasilkan kira-kira 1,000 bungkusan dan akan diedarkan kepada pelajar pada jam 4.30 petang.

Ketua Bahagian

Keselamatan Usim, Kapten (B) Abdul Wahab Mat Zin, berkata, komitmen yang ditunjukkan oleh kakitangannya itu amat dihargai kerana dibuat secara sukarela.

"Pada tahun ini, Bahagian Keselamatan bekerjasama dengan Pusat Islam Usim dengan menjadikan penyediaan bubur lambuk ini sebagai salah satu aktiviti ibadah dalam mengimarahkan bulan Ramadan di dalam kampus," katanya.